

BIDASAN KEPADA FAHAM TAK BERTUHAN

ULAMA DIMINTA BERTINDAK UNTUK MERAMPAS KUASA KERAJAAN?

Di dalam lain muka keluaran ini kita ada menyiarkan rencana pengarang Utusan Melayu bertarikh 1 Januari 1953 sebagai mengulas suatu rencana daripada surat khabar al-Yawm (yang betulnya akhbar al-Yawm) Mesir di dalam rencana pengarangnya itu yang patut kita perhati bersama iaitu seruannya menuntut supaya “Boleh mengikuti kesedaran baharu dalam agama Islam” yang telah tertolak ke belakang dan “kita suka haji ulama-ulama Malaya dapat memberi ulasan-ulasan mereka tentang sikap baharu terhadap agama sebagaimana yang telah dimulakan oleh pengaruh baharu orang kuat Mesir, Jeneral Najib. “ – Kalimah yang akhir ini adalah menjadikan kita percaya seolah-olah seruan itu menuntut supaya ulama Malaya dengan serta merta berdiri menjadi orang kuat Malaya untuk merampas kuasa negeri ini dengan jalan agama – Sya Basya – Tetapi adakah kesedaran agama yang dikehendaki itu seperti kesedaran “pengertian suci” yang cenderung kepada cara kehidupan komunis?!

Quran dan Hadis kolot?

Adapun punca yang menjadi sebab ulasan itu terbit ialah daripada suatu berita yang disiarkan oleh syarikat Kaut Associated Paris bantah suratkhbar al-Yawm kepada fatwa al-Azhar mengharamkan perempuan-perempuan Islam bercampur di dalam politik (memegang tampuk pemerintahan) sebagaimana yang kita telah menterjemahkan dan telah pun ditatap oleh orang-orang kita Islam menurut pengertian kita fatwa itu berasas kepada al-Quran dan al-Hadis serta kejadian-kejadian yang berlaku pada zaman Rasulullah dan khulafa’ al-Rasyidin yang menjadi asas pegangan tiap-tiap seorang Islam (al-Quran dan al-Hadis) dengan tidak boleh dipinda, diubah atau didatangkan sesuatu fikiran atasnya iaitu perkara yang dituduh oleh pengarang Utusan Melayu (tatkala menyertai fikiran surat khabar “*Akhbar al-Yawm*”) dengan “dogmatik” (taqlid buta) pada hal mengikut pengertian orang-orang Islam yang ditegah bertaqlid buta itu adalah bertaqlid buta ialah mengadakan sesuatu perkara di dalam agama (di dalam ibadat) dengan tidak bersandar kepada al-Quran, al-Hadis dan ijma’ sahabat.

Kita hairan bagaimana yang demikian dikatakan taqlid buta,

adakah kerana ia (ulama Azhar itu) memfatwakan bahawa

“Faham komunis itu adalah bertentangan dengan ajaran

agama? Atau adakah kerana fatwa-fatwanya itu sarif diasaskannya

dengan al-Quran dan al-Hadis dan lebih terang lagi bahawa

fatwa-fatwanya disokong oleh ulama-ulama Iran dan di seluruh

dunia dikecualikan oleh mereka yang mulhid yang tidak

mempercayai al-Quran dan al-Hadis sebagaimana juga yang

harus dikehendaki oleh rencana pengarang Utusan Melayu

itu?

Kita percaya bahawa fatwa al-Azhar itu dengan secara

adil telah memberi petunjuk kepada kita dengan tidak memaksa

orang bertaqlid buta kepada fatwanya oleh kerana pada mukadimah

fatwa itu telah menunjukkan dengan sarif permintaan-permintaan supaya

tiap-tiap seorang hendaklah dengan tenang menghalusi segala hujah-hujah

yang dibawa yang diasaskan olehnya kepada hadis-hadis sahih dengan

menghargakan kepada usaha-usaha ulama hadis yang bersusah payah

menapis dan menyaring dengan sehalus-halusnya kepada tiap-tiap

hadis itu dengan suatu cara yang tidak terbuat oleh

ulama-ulama pada masa sekarang (lebih jauh baca fatwa ulama

al-Azhar yang diterbitkan oleh Qalam dengan tajuk perempuan

dan pilihan raya).

Tidaklah ia suatu fatwa yang sesia sekiranya fatwa-fatwa

itu menentang segala perbuatan-perbuatan membanggakan kesenian-kesenian yang lucu, mengadakan kabriat dan mengadakan percampuran yang tidak berbatas ataupun bercampuran yang dikehendaki oleh “pengertian suci” ataupun sekedudukan yang dikehendaki oleh komunis dengan hidup sebagai haiwan itu. Fatwa yang semacam ini tidaklah ia fatwa kolot, sebagaimana yang ditafsirkan oleh rencana pengarang Utusan Melayu itu yang telah terkejut dan menyangka bahawa “ buat kali pertamanya pentafsiran kolot tentang ajaran-ajaran agama Islam ini ditafsirkan pula dengan cara baharu kepada rakyat-rakyat Islam di Malaya” itu dengan faham bahawa yang dikatakan kolot itu al-Quran dan al-Hadis. Kalau itulah yang dimaksudkannya adalah kaum yang bukan kolot tidak syak mereka itu daripada kaum-kaum mulhid.

Yang demikian ini boleh kita tafsirkan bahawa harus suratkhobar al-Yawm yang mengeluarkan rencana itu dengan tidak memberi hujah-hujah daripada al-Quran dan al-Hadis dan menjadi “makanan otak” pula itu kita yakin terkandung di dalam lingkungan-lingkungan yang tersebut di dalam ayat al-Quran yang maksudnya: “ Barangsiapa tidak menghukum dengan hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah maka adalah mereka itu orang-orang kafir” – fasik dan zalim. Ini kepercayaan dan keyakinan orang Islam dengan tidak boleh diganjak oleh beberapa rencana pengarang ataupun cerita-cerita pendek seperti “pengertian suci”.

Kita akan bertanya kepada saudara-saudara kita orang muslimin bahawa suratkhobar al-Yawm itu bukannya suratkhobar rasmi agama – penulisnya pada suatu masa harus juga menulis dalam perkara agama (seperti Utusan Melayu) tetapi tidaklah bermakna fikiran itu boleh mengaku (sebagaimana yang disebut oleh pengarang Utusan Melayu) “ bagi kita dan juga bagi semua orang di lain-lain tempat di seluruh dunia fikiran seperti ini adalah menjadi makanan otak” – di seluruh dunia fikiran. “ Fikiran siapa? Komuniskah? Mulhidinkah? Atau Islamkah? Kita

yakin orang-orang Islam harus tidak menerima fikiran-fikiran atau tambahan-tambahan atas hukum-hukum Islam yang sudah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Hadis, sekalipun tambahan-tambahan itu dijadikan makanan otak oleh pengarang ayat.

Agama Islam menetapkan sesuatu hukum daripada al-Quran dan al-Hadis yang mesti diikuti walaupun ia tidak sesuai dengan keadaan dan otak seseorang, apa lagi kalau otaknya telah diselaputi oleh faham-faham komunis yang mulhid itu. Tidak ada seorang Islam yang berani menafikan apa yang kita sebutkan ini dikecualikan oleh orang-orang yang berfaham seperti “pengertian suci” itu. Peredaran masa tidak akan dapat mengubah perkara-perkara yang terletak di dalam al-Quran dan al-Hadis kerana masa itu mengikutnya – bukan al-Quran dan al-Hadis mengikut masa itu. Dengan itu tidaklah hairan kalau ada orang yang berdiri mendirikan hak dan menyeru berbalik kepada pengajaran al-Quran dan al-Hadis maka orang itu menerima cercaan, tuduhan kolot dan sebagainya oleh mereka yang telah dipengaruhi oleh anasir-anasir menyerah, anasir “imperialis yang menindas” yang diketahui oleh orang-orang Islam dari satu ke suatu masa berikhtiar untuk menjauhkan mereka itu daripada agamanya sehingga ada orang yang dimodali supaya naik haji untuk menarik orang-orang Islam awam “bertaqlid buta” kepada mereka itu pada hal hajinya hanya membanyakkan serban di Malaya ini.

Kepada umat Islam kita berseru dan sentiasa kita seru jangan mudah terpengaruh kepada sesuatu keterangan atau kenyataan yang datang bukan asas-asasnya daripada al-Quran dan al-Hadis terutamanya pula seperti masalah-masalah yang serupa ini yang di dalam mana sudah terang perbuatan mereka itu jelas menunjukkan ada anasir-anasir yang bertujuan meruntuhkan kedudukan kita dan memecah belahkan. Umat Islam di Malaya insafilah bahawa bahaya semakin banyak di hadapan kita. Anak-anak kita sedang dipengaruhi oleh anasir-anasir menyerah terutamanya kerana ulama kita tidak mengambil endah kepada (sambungan pada muka 33)

INSAFLAH....! JIKA MAU INSAF

[Di bawah ini disiarkan rencana pengarang Utusan Melayu bertarikh 1 Januari 1953 sebagai rencana membuka tahun baharu Masihi 1953 dengan suatu cara yang kita faham adalah membawa faham-faham yang “mengkolotkan al-Quran dan al-Hadis “yang menjadi asas di dalam hukum-hukum Islam sekalipun hukum-hukumnya itu” tidak menjadi makanan otak” dan apalagi asas hukum-hukumnya itu menjadikan suatu ketetapan yang didatangkan oleh Allah perbuatan-perbuatan yang demikian itu kafir, fasik dan zalim. Lebih lanjut lihat ulasannya pada muka 31]

AL-YAWM DAN AL-AZHAR

Baharu-baharu ini telah tersiar satu berita Associated Paris tentang suatu tajuk rencana surat khabar al-Yawm yang berpengaruh di Mesir yang telah menuduh Universiti Al-Azhar yang berusia 1000 tahun di Kaherah itu menggunakan cara-cara tabir besi ke atas kemerdekaan perseorangan 400 juta orang Islam sedunia.

Berita tersebut adalah satu dugaan yang belum pernah berlaku kepada pihak yang berkuasa universiti Azhar, dan fatwa ulama-ulamanya untuk mengadakan “dogma” (taqlid buta) bagi sekalian orang Islam telah disiarkan di bawah keadaan-keadaan penapis yang baharu dilonggarkan. Ulama-ulama itu, kata surat khabar tersebut, baharu-baharu ini telah memfatwakan bahawa wanita tidak boleh mencampuri politik, bahawa faham komunis adalah bertentangan dengan ajaran agama, dan bahawa kerajaan-kerajaan Arab serta kerajaan-kerajaan Islam hendaklah menentang dasar-dasar “imperialis yang menindas” sebagaimana dasar Perancis dalam memerintah negeri Islam di barat laut Afrika.

(sambungan daripada muka 32)

kewajibannya dan kerajaan cuai daripada menyiasat dan mengikis dengan sahalus-halusnya cara-cara membawa anasir merah ke dalam jiwa orang-orang kita Islam yang dibawa dengan berbagai-bagai jalan seperti dalam cerita-cerita pendek, rencana pengarang dan sebagainya pada hal anasir-anasir itu musuh kerajaan dan musuh

Tajuk rencana surat khabar al-Yawm itu selanjutnya

berkata “Kita tidak menentang al-Azhar dalam memberikan fikiran-fikirannya atas segala perkara. Tetapi kita menentang kepercayaannya bahawa segala fatwanya mesti dituruti dan jika tidak dituruti maka bererti ingkar terhadap agama. Dalam Islam tidak ada pihak yang berkuasa agama atau badan-badan ketua agama. Tidak ada “hierarki” (komplot-komplot ketua agama) dalam Islam. Sekalian orang Islam adalah sama tarafnya dalam memahami dan mengamalkan dasar-dasar Islam.”

Surat khabar al-Yawm berkata lagi, “Al-Azhar telah mengadakan fatwa-fatwa tentang ekonomi, wayang gambar, panggung wayang, sejarah, kesusasteraan dan kesenian. Ia boleh dikatakan sudah menurunkan tabir besi di sekeliling orang-orang Islam.”

Sesungguhnya sangat mengejutkan bahawa buat kali pertamanya pentafsiran kolot tentang ajaran-ajaran agama Islam ini ditafsirkan pula dengan satu cara yang baharu kepada rakyat-rakyat Islam di Malaya. Fatwa-fatwa dari al-Azhar itu malah dianggap sebagai terlalu maju oleh ulama-ulama kolot

kita.

Kita tidak menyeru supaya ulama bangkit merampas kuasa seperti yang nampaknya dikehendaki oleh rencana pengarang itu oleh kerana kita hanya menghendaki ulama-ulama memimpin umat dengan al-Quran dan al-Hadis kepada jalan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan bersama di seluruh dunia ini adanya.